



BULETIN MAJLIS DAERAH BAU

EDISI JAN – JUN 2022



ANTARA TOPIK MENARIK :

- Sesi Penyerahan Tugas Rasmi Setiausaha Majlis Daerah Bau
- Penjurian Akhir Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan
- Program Memasak Dan Agihan Bubur Lambuk
- Program Jom Baca Bersama 10 Minit
- Lawatan ‘Tourism Product Update Tour’ Di N.18 Serembu

MAJLIS DAERAH BAU
JALAN ONG GUAN CHENG
94000, BAU, SARAWAK.

TEL. : 082-763129
FAX : 082-763545
FB : Majlis Daerah Bau

ISI KANDUNGAN

- 2 ♦ Isi Kandungan
- 3 ♦ Sidang Redaksi
 - ♦ Perutusan Pengarang Grafik
- 4 ♦ Perutusan Pengerusi Majlis
- 5 ♦ Perutusan Setiausaha Majlis
 - ♦ Perutusan Mantan Setiausaha Majlis
- 6 ♦ "Happy Hour MDB" Anjuran Bau Council Club Sempena Ulang Tahun Ke-65 MD Bau
 - ♦ Mesyuarat Post Morterm Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-12 Bagi DUN N.18 Serembu
- 7 ♦ Lawatan Sin Chiew Daily
 - ♦ Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Sarawak Melalui Aplikasi Zoom
- 8 ♦ Sesi Penyerahan Tugas Rasmi Setiausaha Majlis Daerah Bau
 - ♦ Sesi Suai Kenal Penghulu/Kapitan Daerah Bau
- 9 ♦ Sesi Suai Kenal Penghulu/Ketua Kaum Zon Singai
 - ♦ Gotong-Royong Tandas Awam Terminal Bas Bau
- 10 ♦ Penjurian Akhir Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan (PTAB) Tahun 2021/2022 bagi Kategori PBT (Daerah)
 - ♦ Sambutan Hari Jadi SU MDB En. Ng Siang Wei Yang Ke-50
- 11 ♦ Aktiviti Nyahcemar Perpustakaan Awam & Pejabat Bahagian Kerja Raya MD Bau
 - ♦ Program Memasak & Agihan Bubur Lambuk
- 12 ♦ Program Jom Baca Bersama 10 Minit
 - ♦ Lawatan "Tourism Product Update Tour"
- 13 ♦ Lawatan Sambil Belajar MD Bau Ke SDG Centre Kuala Lumpur & Melaka
 - ♦ Lawatan Sambil Belajar MD Bau Ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
- 14 ♦ Lawatan Sambil Belajar Majlis Perbandaran Sibu Ke Siniawan Night Market Dan Perasmian Siniawan Art & Folklore Music Festival
 - ♦ Program Pemantauan Perkhidmatan Perpustakaan Awam Dan Desa PBT Oleh Pegawai Daripada UPK MPH LG
 - ♦ Penutupan Audit MS ISO
- 15 ♦ Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Kebangsaan & Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Negeri Sarawak Daerah Bau
 - ♦ Sesi Penilaian & Lawatan Tapak Projek Bagi Program Desa Lestari Tahun 2022
- 16 ♦ Pertandingan Tertutup Antara Bahagian Sempena Majlis Ramah Mesra 2022 MDB
 - ♦ Program Kesedaran Keselamatan Dan Kebersihan Sungai Di Kawasan ADUN N.2 Tasik Biru

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Pengerusi Majlis, Cik Anielia anak Siam
Setiausaha Majlis, Encik Ng Siang Wei

BILIK BERITA

Ketua, Kr. Nyudien Ngayop
Timbalan I, Kr. Liew Yu Peng
Timbalan II, Kr. Wejok Tomik

PENYELARAS

Adeline Molly anak Francis Kiyuk

EDITOR / PENGARANG & GRAFIK

Stepfanie anak James

PENERBIT

Bahagian Pembangunan Komuniti & Koperat
Majlis Daerah Bau

Perutusan Pengarang

Salam Sejahtera, Salam Sarawakku Sayang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Editor kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerbitkan Buletin MDB Edisi 1/2022.

Ini merupakan pengalaman pertama bagi saya dalam penghasilan Buletin jabatan. Sesungguhnya saya amat berterima kasih kepada semua warga kerja MDB yang banyak membantu saya dari setiap sudut sehingga terhasilnya Buletin ini. Semoga kerjasama yang baik ini sentiasa berterusan sekaligus dapat meningkatkan lagi mutu Buletin MDB.

Sekian, terima kasih dan selamat membaca !

-Stepfanie anak James-



PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS

Salam Sarawakku Sayang dan **Salam Greater Bau For All**.

Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya mencoretkan sepatah dua kata dalam Buletin Majlis Daerah Bau pada kali ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi atas kejayaan menerbitkan buletin yang sungguh istimewa ini. Segala peristiwa dan kenangan sepanjang tahun ini dapat dirakamkan dan akan menjadi sumber rujukan kita semua.

Pembaca yang dihormati sekalian, tahun ini Majlis Daerah Bau telah menerima seorang Setiausaha Majlis yang baru iaitu En. Ng Siang Wei dan En. Simon Wong Hong Yong pula telah berpindah ke Majlis Perbandaran Sibu. Sepanjang perkhidmatan, En. Ng Siang Wei pernah berkhidmat di Majlis Perbandaran Sibu dan Majlis Perbandaran Padawan sebelum berpindah ke Majlis Daerah Bau. Kita berharap beliau dapat mempraktikkan segala ilmu beliau dalam mengemudi Majlis Daerah Bau ke arah **Greater Bau For All** selaras dengan visi baru Majlis Daerah Bau. Sesungguhnya kita amat berterima kasih kepada mantan Setiausaha kita atas bakti dan khidmat yang ditabur sepanjang beliau berkhidmat di Majlis Daerah Bau. Selain itu, pada 29 Julai 2022 Ahli-Ahli Majlis sedia ada telah dilantik semula mulai 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022. Sesungguhnya ini merupakan satu penghargaan bagi Ahli-Ahli Majlis sedia ada kerana mereka sekali lagi telah diberi kepercayaan dalam menjalankan amanah di kawasan zon masing-masing. Kita berharap dengan perlantikan semula ini Ahli-Ahli majlis kita akan lebih agresif lagi dalam membantu meningkatkan kemajuan kawasan zon masing-masing.

Pada tahun ini, Majlis Daerah Bau dalam perancangan untuk membina sebuah muzium yang diberi nama Gold Mine Museum and Park dan sebuah Bidayuh Cultural Gallery yang akan menjadi kebanggaan seluruh warga Bau amnya. Untuk pengetahuan semua, Gold Mine Museum and Park ini bertempat di Jambusan manakala Galeri Bau akan ditempatkan bersebelahan dengan bangunan Pejabat Daerah Bau. Kita berharap dengan adanya bangunan-bangunan seperti ini aktiviti eko-pelancongan kita akan bertambah baik dari semasa ke semasa.

Akhir kata, semoga kita semua bersama-sama berganding bahu dalam membawa penambahbaikan Daerah Bau ke arah yang lebih cemerlang lagi.

Sekian, terima kasih.

"AN HONOUR TO SERVE"
BERSATU BERUSAHA BERBAKTI

Pegawai Daerah Bau (Pengerusi Majlis)
Cik Anielia Anak Siam



PERUTUSAN SETIAUSAHA MAJLIS

Salam Sejahtera, Salam Sarawakku Sayang Dan
Salam ***Greater Bau For All***.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sidang Redaksi kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dalam Buletin Majlis Daerah Bau. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan Sidang Redaksi Edisi 2022 atas kejayaan penerbitan Buletin ini. Sesungguhnya penerbitan Buletin bukanlah sesuatu yang mudah tetapi ia memerlukan banyak komitmen dan sokongan dalam penghasilan sesebuah Buletin yang berkualiti. Ianya juga bukan hanya sekadar Buletin tetapi merupakan sebuah karya yang banyak menyimpan kenangan dan sejarah.

Pembaca yang dikasihi sekalian, ini merupakan tahun pertama saya dalam mengemudi Majlis Daerah Bau dan saya berharap kerjasama yang baik daripada pelbagai pihak dapat membantu saya dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada saya. Sekiranya tuan/puan mempunyai cadangan atau pertanyaan kepada saya, saya amat berbesar hati menerima kehadiran tuan/puan dan pintu pejabat saya sentiasa terbuka untuk semua.

Sebelum mengundur diri, saya berharap warga Majlis Daerah Bau sentiasa memberi sepenuh komitmen dalam menjalankan tugas masing-masing demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

*Encik Ng Siang Wei,
Setiausaha Majlis Daerah Bau*



PERUTUSAN MANTAN SETIAUSAHA

Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Terima kasih kepada warga Majlis Daerah Bau kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan kata alu-aluan dalam Buletin Edisi Tahun 2022 ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga MDB khususnya Sidang Redaksi Buletin atas kejayaan menerbitkan Buletin yang sungguh bermakna ini.

Warga Majlis Daerah Bau yang saya kasihi sekalian, 28 Februari 2022 merupakan hari terakhir perkhidmatan saya bersama Majlis Daerah Bau. Sesungguhnya ia merupakan hari yang sangat berat bagi saya kerana saya akan meninggalkan kakitangan saya yang banyak membantu saya sepanjang saya bergelar Setiausaha di Majlis Daerah Bau. Pelbagai usaha telah kita lakukan dalam mengubah Daerah Bau yang suatu ketika dahulu amat suram dan kini telah menjadi sebuah daerah yang mempunyai banyak tarikan sebagai contoh kawasan Tasik Biru kini telah menjadi salah satu daripada tempat menarik di kawasan Bau dan seringkali dipenuhi oleh pengunjung dari luar Daerah Bau.

Akhir kata, saya berharap Majlis Daerah Bau akan terus maju jaya di masa hadapan dan terus berusaha ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.

*Encik Simon Wong Hong Yong
Mantan Setiausaha Majlis Daerah Bau*

“HAPPY HOUR MDB” Anjuran Bau Council Club Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-65 Majlis Daerah Bau | 14 Januari 2022



Setiausaha MDB, Encik Simon Wong Hong Yong turut mengambil bahagian dalam acara yang diadakan . Program sebegini sedikit sebanyak dapat mengeratkan lagi hubungan diantara pegawai atasan dengan kakitangan.



Mesyuarat Post-Morterm Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-12 Bagi DUN N.18 Serembu | 20 Januari 2022

Sesi penyampaian cenderamata disempurnakan oleh Setiausaha Majlis Dearah Bau Encik Simon Wong Hong Yong selaku RO Pilihan Raya Negeri Sarawak ke 12 Bagi DUN N.18 Serembu kepada Ketua Polis Daerah Bau, Pegawai Kesihatan Daerah Bau, Pegawai Pendidikan Daerah Bau, Pegawai Penerangan Daerah Bau, Ketua Pos Daerah Bau dan Pengetua SMK Paku.



Lawatan Sin Chew Daily | 21 Januari 2022



The image shows a press conference held by the Sarawak News Team and St. George's Hall. Seven men in blue shirts and ties are standing in a row, facing the camera with their hands clasped. Behind them is a banner with the text: "Arus Sarawak News Team Sarawak Sinchew My Organise Press Conference to Welcome the Arrival of the First Batch of Chinese Tourists". The background features a large red lantern and a yellow dragon-shaped balloon.



Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Sarawak 2022 Melalui Aplikasi Zoom | 25 Januari 2022



SESI PENYERAHAN TUGAS RASMI SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BAU | 14 MAC 2022



Sesi penyerahan tugas rasmi diantara mantan Setiausaha Encik Simon Wong Hong Yong dengan Setiausaha Majlis Daerah Bau yang baru Encik Ng Siang Wei telah disaksikan oleh Pengerusi Majlis Puan Anielia anak Siam, Timbalan Pengerusi Majlis Encik William Ding. Turut hadir bersama adalah Kr. Wijok dan Kr. Paul.

Warga MDB sekali lagi ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada mantan Setiausaha Encik Simon Wong Hong Yong dan Selamat Datang Ke MDB kepada Setiausaha Encik Ng Siang Wei.



SESI SUAI KENAL PENGHULU/KAPITAN DAERAH BAU | 14 MAC 2022



SESI SUAI KENAL PENGHULU/KETUA KAUM ZON SINGAI | 18 MAC 2022



GOTONG-ROYONG TANDAS AWAM TERMINAL BAS BAU | 30 MAC 2022



Pada 30 Mac 2022, MD Bau telah mengadakan gotong-royong membersih Tandas Awam Terminal Bas Bau. Gotong-royong tersebut bermula pada jam 09.00 pagi dan berakhir pada jam 11.00 pagi. Pihak kontraktor MDB turut bersama-sama dalam menjayakan gotong royong tersebut.

PENJURIAN AKHIR PERTANDINGAN PENGiktirafan Tandas Awam Bersih PERINGKAT KEBANGSAAN (PTAB) TAHUN 2021/2022 BAGI KATEGORI PBT (DAERAH) - 31 MAC 2022



Tahniah diucapkan kepada MD Bau kerana telah berjaya memasuki peringkat akhir Pertandingan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Kategori PBT (Daerah). Sesi pengauditan ini diketuai oleh Tuan Haji Che Saipolliza bin Deraman merangkap Pengarah Kanan di KPBT. Turut hadir bersama ialah KR. Marthadaria selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kesihatan Awam.



SAMBUTAN HARI JADI SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BAU, ENCIK NG SIANG WEI YANG KE-50 | 20 APRIL 2022



AKTIVITI NYAHCEMAR PERPUSTAKAAN AWAM & PEJABAT BAHAGIAN KERJA RAYA MAJLIS DAERAH BAU



PROGRAM MEMASAK & AGIHAN BUBUR LAMBUK | 22 APRIL 2022



Pada setiap tahun di bulan Ramadhan, Kelab Kebajikan Kakitangan MD Bau tidak melepaskan peluang untuk menganjurkan program memasak dan mengagihkan Bubur Lambuk kepada semua kaitangan MD Bau dan penduduk setempat.

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT | 22 APRIL 2022



Tema : Bangkit Baca & Bersyukur

Program yang berlangsung selama 10 minit ini bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya di Sarawak.



LAWATAN “TOURISM PRODUCT UPDATE TOUR” | 30 APRIL 2022



◆ Merembeh Caving Park telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pelancongan Sarawak, YB Datuk Sebastian Ting Chiew Yew.

◆ Penyampaian Sijil Penghargaan kepada 3 orang jurugambar yang telah mempromosikan Daerah Bau



LAWATAN SAMBIL BELAJAR MD BAU KE SDG CENTRE, KUALA LUMPUR & MELAKA | 12 MEI 2022



LAWATAN SAMBIL BELAJAR MD BAU KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK) | 12 MEI 2022



LAWATAN SAMBIL BELAJAR MAJLIS PERBANDARAN SIBU KE SINIawan NIGHT MARKET DAN PERASMIAN SINIawan ART & FOLKLORE MUSIC FESTIVAL | 21 MEI 2022



◆ Rombongan Lawatan MP Sibu diketuai oleh Timbalan Pengurus Majlis, Kr. Bujang bin Haji Abdul Majid.

◆ Siniawan Art & Folklore Music Festival dirasmikan oleh Timbalan Menteri Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, YB Datuk Snowdan Lawan.

PROGRAM PEMANTAUAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM DAN DESA PBT OLEH PEGAWAI DARIIPADA UPK MPH LG | 25-26 MEI 2022



PENUTUPAN
AUDIT MS
ISO | 14 JUN
2022

GOTONG-ROYONG MEGA PERANGI AEDES KEBANGSAAN & SAMBUTAN HARI DENGKI ASEAN PERINGKAT NEGERI SARAWAK DAERAH BAU 2022 | 18 JUN 2022




SESI PENILAIAN DAN LAWATAN TAPAK PROJEK BAGI PROGRAM DESA LESTARI TAHUN 2022 | 23 JUN 2022



PERTANDINGAN TERTUTUP ANTARA BAHAGIAN SEMPENA MAJLIS RAMAH MESRA 2022 MDB | 27-29 JUN 2022



PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN SUNGAI DI KAWASAN ADUN N.2 TASIK BIRU | 30 JUN 2022



BAU TOWARDS SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

